

PERSIDANGAN KEBANGSAAN

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2014



Toolkit
“From Pledge
to Practice”

ms:6

SSM
Transformation
Program
(SSMTP)

ms:8

SSM
National
Conference 2014
(SSMNC 2014)

ms:4

PENAUNG

Dato' Mohd Naim Daruwish
Ketua Pegawai Eksekutif
mnaim@ssm.com.my

KETUA PENGARANG

Zahrah Abd. Wahab Fenner
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Perkhidmatan)
zahrah@ssm.com.my

PENYELARAS PENERBITAN

Farid Ahmad
farid@ssm.com.my

PENGARANG/EDITOR

Wan Ahmad Lokman Wan Abu Hanipah
wanlokman@ssm.com.my

JURUGAMBAR

Mohd Rafique Kosnin
rafique@ssm.com.my
Hendra Musonif
hendra@ssm.com.my

PENGEDARAN

Hairul Adhar Ramli
adhar@ssm.com.my
Mior Muhammad Amin Adam
miormuhammadamin@ssm.com.my

PENYUMBANG MAKLUMAT

PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2014

Ng Lay See
laysee@ssm.com.my

PELANCARAN TOOLKIT

Norhaslinda Salleh
norhaslinda@ssm.com.my

PELANCARAN SSM TRANSFORMATION PROGRAM

Mai Zulaiha Baharuddin
maizulaiha@ssm.com.my

ANUGERAH

PERKHIDMATAN CEMERLANG SSM 2013 DAN ANUGERAH BAKAT SSM

Siti Maryam Mustapha
smaryam@ssm.com.my

PEKERJA BAHARU, PERSARAAN

Mohd Zawawi Ahmad
zawawi@ssm.com.my

PRAKARSA TRANSFORMASI, PERKASA ORGANISASI

Salam Sejahtera kepada semua pembaca Buletin SSM.

Tahun 2014 telah menghamparkan pelbagai cabaran baharu yang menuntut perubahan minda dalam penghasilan gerak kerja yang lebih proaktif dalam memenuhi ekspektasi pelanggan. Output yang berimpak kini menjadi perhatian utama pihak berkepentingan dalam menilai prestasi perkhidmatan sesebuah organisasi. SSM juga tidak terkecuali dari dibayangi penarafan tahap kualiti produk yang dihasilkan mahupun perkhidmatan yang diberikan.

Tujuan kita tetap sama, matlamat kita juga tidak pernah berubah; iaitu menjadi institusi pendaftar dan pengawalselia tadbir urus korporat bertaraf dunia. Impian itu juga yang kita sematkan sebagai pelengkap visi SSM dalam memenuhi keperluan perniagaan menerusi pendaftaran, bekalan maklumat, kawal selia dan khidmat nasihat yang berkesan. Kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun 2013 mendesak kita untuk bangkit lebih agresif tanpa rasa jemu, kesal mahupun terkesan dengan

pelbagai tanggapan negatif pelbagai pihak. Apa jua rintihan perlu diselami dengan semangat yang positif. Marilah kita bersama memikul amanah ini dengan menyokong prakarsa transformasi yang telah direncana.

Kita merangkak, bertatih, berjalan mahupun berlari bersama dengan inisiatif transformasi ini dalam menongkang arus perubahan semasa.

Akhir kata, saya menyeru warga SSM agar mempertingkatkan integriti dan produktiviti dengan bergerak seiring agenda transformasi SSM.

Selamat membaca!



Zahrah Abd. Wahab Fenner
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Perkhidmatan)

KANDUNGAN

Kepentingan dan Faedah Mendaftarkan Perniagaan.....	m/s 3
SSM National Conference 2014.....	m/s 4
Pelancaran Buku Panduan Toolkit “Dari Ikrar kepada Amalan”.....	m/s 6
Pelancaran Program Transformasi SSM.....	m/s 8
Program Latihan Dalaman Anjuran Akademi Latihan.....	m/s 10
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang SSM 2013.....	m/s 12
Pekerja Baharu dan Pesara.....	m/s 16
Corporate Tea Talk SSM Perak.....	m/s 17
SSM Dalam Berita.....	m/s 18
Peristiwa Bergambar.....	m/s 19

KEPENTINGAN DAN FAEDAH MENDAFTARKAN PERNIAGAAN



1 BENTUK PERNIAGAAN YANG PERLU DIDAFTARKAN DI SSM

- Perniagaan Milik tunggal yang dimiliki oleh seorang pemilik (individu)
- Perniagaan Perkongsian yang dimiliki oleh 2-20 orang pemilik (individu)

Selain itu, terdapat bentuk Perniagaan seperti Syarikat SDN BHD/ BHD dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT), mengikut Akta Syarikat 1965 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 yang perlu didaftarkan di SSM

2 FAEDAH MENDAFTARKAN PERNIAGAAN DI SSM

- Untuk mendapatkan entiti yang sah disisi undang-undang iaitu layak mengikat kontrak, perjanjian dengan pihak bank/agensi kerajaan dan membantu waris menuntut hak harta/wang daripada perniagaan berkenaan
- Melayakkan untuk mendapat kemudahan perlindungan insuran yang diperkenalkan oleh kerajaan kepada golongan penjaja dan peniaga kecil
- Melayakkan untuk membuat pinjaman mikro yang diperkenalkan oleh pelbagai agensi kerajaan – Bank Rakyat, TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia, MARA dan SME
- Mendapatkan kemudahan menjalankan perniagaan seperti lesen premis dan permit
- Untuk membolehkan kerajaan dan pihak berkuasa/agensi lain mendapatkan maklumat terkini dan tepat bagi menyediakan dasar dan kemudahan untuk meningkatkan taraf perniagaan dan kehidupan golongan berkenaan
- Mendapat kemudahan menghadiri seminar dan latihan untuk meningkatkan kemahiran dalam menjalankan perniagaan secara lebih sistematik dan teratur

3 SYARAT UNTUK PENDAFTARAN PERNIAGAAN MILIK TUNGGAL DI SSM

Syarat mendaftarkan perniagaan:

- Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap dan berumur 18 tahun ke atas
- Perniagaan dijalankan di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan
- Sekiranya syarat di atas dipenuhi, lengkapkan Permohonan Pendaftaran Perniagaan (Borang A) beserta bayaran mengikut tempoh pendaftaran 1 hingga 5 tahun :
 - RM 30 setahun - Nama perniagaan menggunakan nama sendiri (contoh: Ali Bin Ahmad)
 - RM 60 setahun - Nama perniagaan menggunakan nama Tred (contoh: Restoran Somaju)

Dimana pendaftaran perniagaan boleh dibuat:

- Hadir di kaunter SSM, termasuk Pusat Khidmat UTC Pudu Sentral Kuala Lumpur, UTC Melaka, UTC Pahang dan UTC Kedah serta Kaunter Khidmat Pengguna di KPDKK, Putrajaya
- Perkhidmatan e-Lodgement SSM (Layari portal rasmi; www.malaysia.gov.my atau www.ssm.com.my)
- Kaunter bergerak
- Bank Simpanan Nasional (perkhidmatan pembaharuan pendaftaran sahaja)

4 BAGAIMANA PULA BAGI PENIAGA YANG SUDAH MEMPUNYAI LESEN PERNIAGAAN DARIPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT), ADAKAH MEREKA PERLU MENDAFTARKAN PERNIAGAAN DI SSM?

Ya, Lesen Perniagaan PBT adalah lesen premis perniagaan (tempat perniagaan itu dijalankan) manakala Sijil Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh SSM diperuntukkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 iaitu pendaftaran perniagaan yang mengandungi maklumat pemilik dan perniagaan yang dijalankan.

5 ADAKAH PERNIAGAAN INTERNET ATAU "ONLINE BUSINESS" DAN PERNIAGAAN YANG DIJALANKAN DI RUMAH PERLU DIDAFTARKAN?

Definisi perniagaan mengikut Seksyen 2, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 meliputi apa-apa bentuk tred, perdagangan, pertukangan, pekerjaan, profesion atau aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud mendapat keuntungan walaupun tiada premis bagi perniagaan "on-line" perlu mendaftarkan perniagaan kerana ia termasuk dalam definisi ini.

Kelebihan mendaftarkan perniagaan internet:

- Meningkatkan keyakinan pengguna untuk berurusan
- Memudahkan pengguna membuat verifikasi status perniagaan
- Mempunyai identiti di peringkat global, sesuai dengan prospek pemasaran yang luas melalui internet
- Sesuatu perniagaan yang tidak berdaftar tidak akan dapat dibantu oleh mana-mana agensi penguatkuasaan kerana perjalanan perniagaan itu adalah tidak sah di sisi undang-undang

Tahukah anda, di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, kegagalan mendaftarkan perniagaan boleh mengakibatkan seseorang individu didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara maksima 2 tahun atau kedua-duanya.

6 TANGGUNGJAWAB PENIAGA SELEPAS MENDAFTARKAN PERNIAGAAN SEPERTI DIPERUNTUKKAN DI BAWAH AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN 1956

- Mendaftarkan perubahan maklumat perniagaan, sekiranya berlaku perubahan alamat utama, cawangan, jenis/aktiviti dan pemilik
- Memperbaharui pendaftaran perniagaan, boleh dibuat untuk tempoh 1 hingga 5 tahun
- Mendaftarkan penamatan perniagaan jika berhenti berniaga atau perniagaan tidak lagi beroperasi
- Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran
- Mempamerkan papan tanda (nama perniagaan & no. pendaftaran) di luar premis perniagaan
- Memastikan sebarang dokumen rasmi mengandungi nama perniagaan dan no. pendaftaran (cth bil, resit, invoice, surat perjanjian, dll)

Sekiranya semua tanggungjawab dinyatakan tidak dilaksanakan oleh pemilik perniagaan, ia adalah satu kesalahan mengikut Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

PERSIDANGAN KEBANGSAAN

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2014 (SSMNC 2014)

Persidangan Kebangsaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2014 (SSMNC 2014) telah diadakan pada 3 & 4 Jun 2014 di Connexion@Nexus, Kuala Lumpur.

Ini merupakan penganjuran kali keempat persidangan kebangsaan dengan penganjuran yang julung kalinya diadakan pada tahun 2011. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hasan Bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan

Kepenggunaan dan turut dihadiri oleh YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, YBhg Dato' Sri Alias Bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan selaku Pengerusi SSM dan YBhg Tan Sri Idrus Harun, Peguam Cara Negara yang juga merupakan Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia.



Dari kiri Dato' Mohd Naim Daruwish, Tan Sri Datuk Yong Poh Kon, Dato' Sri Alias, YB Dato' Sri Hasan, YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah, Tan Sri Idrus Harun bergambar kenangan selepas perasmian SSMNC 2014



Para peserta persidangan sedang m



Ucapan perasmian oleh YB Menteri PDNKK



Panel sedang menjawab soalan-soal



Peserta sedang mengajukan soalan kepada ahli-ahli panel semasa sesi plenari



mendengar kertas pembentangan dengan tekun.



an yang dikemukakan

Ucuptama semasa SSMNC 2014 ini bertajuk 'Taking The Great Leap: Revamping the Companies Act.' telah disampaikan oleh YBhg Tan Sri Idrus Harun, Peguam Cara Negara yang juga merupakan Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Semasa persidangan ini berlangsung, terdapat beberapa sesi plenari yang dibentangkan dengan tajuk-tajuk seperti berikut:

1. The New Companies Act: The Pain. The Gain. The Journey.
2. Starting Business in Malaysia: Reform and Transform.
3. Boardroom Excellence: Reshape and Reinforce.
4. Shareholders Activism: Initiatives and Impact.
5. Audit and Financial Reporting Framework: Rationalize and Streamline.
6. No Par Value Regime and Capital Maintenance Rule: Adapt and Adjust.
7. Corporate Insolvency Framework: Effective and Efficient.
8. Compliance and Disclosure Requirements: Changes and Challenges.
9. Corporate Dispute Resolutions: From Board Room And Shareholders Contestations To Courts And Arbitration Way

Sejumlah 31 penceramah dan ahli panel telah terlibat dalam persidangan ini.

Secara keseluruhan, Persidangan Kebangsaan SSM 2014 merupakan satu kejayaan besar kerana SSM telah berjaya menarik seramai 351 peserta menyertai persidangan ini berbanding 256 peserta pada tahun 2013. Selain itu, maklumbalas yang diterima daripada para peserta di akhir persidangan ini amatlah memberangsangkan dengan tajuk-tajuk yang dibentang selain selesai dengan lokasi persidangan yang dipilih pada kali ini.

Jumpa lagi tahun hadapan.

PELANCARAN BUKU PANDUAN TOOLKIT: DARI IKRAR KEPADA AMALAN


Bagi menyokong usaha Kerajaan dalam membanteras gejala rasuah, yang merupakan salah satu daripada bidang Keberhasilan Utama Negara atau National Key Result Areas (NKRA), SSM telah melancarkan buku panduan atau toolkit yang bertajuk “Dari IkRAR kepada Amalan: Panduan Pelaksanaan Sistem Integriti Korporat Malaysia” atau dalam versi Bahasa Inggerisnya bertajuk “From Pledge to Practice: A Guide to Implement The Corporate Integrity System Malaysia” pada 22 April 2014.

Majlis pelancaran rasmi buku panduan ini telah disempurnakan oleh YB Dato’ Sri Hasan Bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur. Turut hadir sama menjayakan majlis pelancaran tersebut ialah YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim Mohamed turut menyampaikan pembentangan bertajuk “From Pledge to Practice”.

Buku panduan ini merupakan dokumen pelengkap bagi Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik SSM atau SSM’s Best Business Practice Circular (BBPC 3/2012) bertajuk “Mencapai Integriti Korporat” atau dalam versi Bahasa Inggerisnya bertajuk “Achieving Corporate Integrity” yang dilancarkan pada 2 Januari 2012 oleh YB Dato’ Ismail bin Sabri, mantan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Objektif buku panduan tersebut adalah:

1. Untuk menggalakkan integriti, kebertanggungjawaban dan pengurusan program anti-rasuah yang bersesuaian;
2. Untuk mengukuhkan tahap tadbir urus korporat, integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam urusan operasi harian bagi proses dan prosedur syarikat dan perniagaan; dan
3. Untuk memudahkan, menyokong dan memberi bantuan teknikal kepada syarikat dan perniagaan bagi melaksanakan sistem integriti korporat sebagai langkah pencegahan yang berkesan terhadap rasuah.



Para hadirin khusyuk mendengar taklimat yang di sampaikan



Tetamu kehormat serius berbincang sebelum acara perasmian berlangsung



YB Dato’ Sri Hasan menandatangani model Buku Panduan Pelaksanaan Integriti Korporat semasa majlis pelancaran



Membanteras rasuah merupakan salah satu daripada agenda utama kerajaan. Sejak penubuhan Institut Integriti Malaysia pada tahun 2004 untuk memudahkan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN), SSM telah bertindak sebagai Sekretariat untuk membangunkan "blueprint" agenda integriti bagi institusi ekonomi melalui beberapa jawatankuasa kerja yang terdiri daripada ahli-ahli korporat, badan-badan profesional dan pertubuhan industri yang diterajui oleh KPDNKK pada masa itu. Sejak itu, SSM giat menjalinkan hubungan dengan pelbagai institusi dan agensi kerajaan bagi mempertingkatkan integriti dan menggalakkan inisiatif memerangi rasuah di kalangan komuniti korporat dan perniagaan.

Pemacu utama dalam bidang ekonomi negara ialah sektor swasta. Selaras dengan Agenda Tanggungjawab Korporat SSM yang mengetengahkan pendekatan 'Triple Bottom Line' iaitu menggalakkan syarikat dan perniagaan mengintegrasikan elemen masyarakat, alam

sekitar dan ekonomi yang berkait rapat dengan konsep tadbir urus korporat ke dalam perniagaan mereka.

Selaku ahli Meja Bulat Integriti Korporat yang memainkan peranan sebagai "Corporate Integrity Pledge Promoter", SSM akan terus berkolaborasi bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) di Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan NKRA Rasuah, Transparency International Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia.

SSM percaya dengan inisiatif untuk membudayakan nilai integriti di kalangan sektor korporat dan diintegrasikan melalui proses dalaman sesebuah syarikat, ia akan dapat menyediakan dasar integriti yang kukuh bagi membolehkan syarikat dan perniagaan kekal kompetitif dan mampan dalam dunia perniagaan global.



Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Dato' Mohd Naim Daruwish menerangkan kandungan Buku Panduan Pelaksanaan Sistem Integriti Korporat kepada YB Dato' Sri Hasan Malek



Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim Mohamed sedang menyampaikan pembentangan



Timbalan KPE SSM Pn Zahrah menyampaikan cenderahati kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM



YB Dato' Sri Hasan Malek bersalaman dengan tetamu-tetamu

PROGRAM TRANSFORMASI ORGANISASI SSM

Program Transformasi Organisasi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSMTP) adalah salah satu inisiatif yang memberi tumpuan kepada pencapaian visi baru SSM untuk menjadi organisasi yang cekap dan berkesan dalam menyampaikan perkhidmatannya.

Pelancaran Program Transformasi SSM ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Naim Daruwish, Ketua Pegawai Eksekutif SSM pada 6 Jun 2014 bertempat di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@ Sentral.

SSMTP direncana bertujuan menjalankan transformasi organisasi secara keseluruhan seiring keperluan

perniagaan semasa dalam mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan SSM sebagai sebuah organisasi pendaftar dan pengawal selia tadbir urus korporat bertaraf dunia.

Transformasi ini memberi tumpuan kepada proses kerja, kecekapan teknologi, penerokaan bakat dan pengukuhan organisasi. SSMTP bakal menyediakan SSM dengan bekalan maklumat yang boleh dipercayai dan tepat, penguatkuasaan yang berkesan, perkhidmatan pelanggan terbaik dan kecekapan operasi dalam memenuhi ekspektasi pihak berkepentingan.



Penerangan berkenaan logo dan tagline SSMTTP



Logo

- Sembilan garisan melambangkan 9 bahagian Utama yang menjadi tulang belakang SSM
- Bentuk segitiga seperti anak panah menggambarkan perubahan yang akan dilakukan bagi menuju ke arah kecemerlangan dan pembangunan SSM
- Warna biru dan kuning merupakan warna Korporat SSM

Tagline

iINNOVATE
iPERFORM
iTRANSFORM

Pelaksanaan transformasi SSM (SSMTTP) pastinya akan menjadi inspirasi kepada semua warga SSM untuk berinovasi yang akan mengubah budaya kerja dan seterusnya merealisasikan Visi SSM.



Kumpulan Koir SSM bersemangat menyanyikan lagu rasmi SSM



Pengurusan Eksekutif SSM semasa pelancaran SSMTTP



Hadirin sedang mendengar taklimat mengenai SSMTTP

Cabang Utama SSMTTP

Business Strategy	Mencadangkan produk baharu untuk meningkatkan pendapatan SSM Mengetahui pasti bagaimana SSM boleh memperbaiki kedudukan dalam laporan Bank Dunia iaitu "Ease of Doing Business" & "Starting a Business"
Business Process Reengineering	Mencipta dan mengemaskini proses sedia ada / baharu bagi mencapai matlamat sasaran Program Transformasi SSM Mengemaskini rangka kerja kompetensi teknikal
Technology	Mencadangkan sistem bagi menguruskan prestasi perkhidmatan SSM Menjalankan penilaian kesesuaian sistem
Change Management	Menyampaikan maklumat berkenaan perubahan dan impak perubahan Mengekalkan perubahan melalui penubuhan pengurusan berpengetahuan
People & Organisation	Merekabentuk & menilai organisasi alternatif (alternative organisation) Membangunkan strategi pengurusan pekerja & prestasi pengurusan
Legal	Memberi nasihat dari aspek undang-undang berkenaan potensi kesan pelaksanaan Program Transformasi SSM Menganalisa & memberi nasihat mengenai potensi risiko perundangan melibatkan proses kerja di SSM

PROGRAM LATIHAN DALAMAN

ANJURAN AKADEMI LATIHAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (COMTRAC)

Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC) telah ditubuhkan pada 1 April 2007 untuk meneraju inisiatif latihan kepada pihak-pihak berkepentingan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Misinya adalah untuk melatih dan mendidik pengarah syarikat, setiausaha syarikat, pihak pengurusan dan kakitangan syarikat, juruaudit, usahawan dan ahli-ahli badan-badan profesional, selaras dengan fungsi SSM seperti yang diperuntukan di bawah subseksyen 17(d) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

Selain daripada penganjuran program latihan awam, COMTRAC turut menganjurkan latihan khas untuk memenuhi keperluan pembangunan latihan sesebuah organisasi. Program dan modul latihan yang sedia ada boleh diubah suai untuk disesuaikan dengan keperluan latihan sesebuah organisasi. Perunding kami akan bekerjasama rapat dengan organisasi yang berminat untuk mengenalpasti keperluan latihan, mereka bentuk kandungan latihan yang dipersetujui dan metodologi

latihan. Latihan dalaman sebegini boleh diadakan di premis organisasi atau di hotel pilihan pelanggan.

Sejak tahun 2007, COMTRAC telah menerima permintaan yang menggalakkan daripada pihak berkepentingan untuk menjalankan program latihan dalaman bagi pengarah syarikat, setiausaha syarikat, juruaudit, pengurus dan pekerja syarikat. Antara senarai pelanggan kami adalah seperti dalam jadual di bawah.

Bagi tahun 2014, sehingga bulan Mei COMTRAC telah menganjurkan 14 program dalaman untuk pelanggan-pelanggan kami. Antara latihan yang dijalankan adalah untuk Terengganu Incorporated Sdn. Bhd., Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan IIUM Holdings Sdn Bhd. Seminar-seminar ini telah dihadiri oleh pengarah, pegawai undang-undang, setiausaha syarikat, juruaudit dan juga pegawai-pegawai mereka.

Perbadanan Usahawan Nasional Bhd	United Overseas Bank (M) Bhd	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK)
Maldives Airport Company Ltd Malaysian	Directors Academy (MINDA)	Bank Pembangunan Berhad
Pembangunan Sumber Manusia Bhd	Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah Darul Aman (INSPIN)	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.
Johor Corporation	Malaysian Biotechnology Corporation Bhd	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
Prokhas Sdn. Bhd.	PPB Group Bhd	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
Gamuda Berhad	Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA)	Malaysian Venture Management Berhad (MAVCAP)
MMC Corporation	Rimbun Corporate Advisory Services	Celcom (Malaysia) Berhad
Malaysian Industrial Development Authority	International Islamic University Malaysia	Telekom Malaysia Berhad
Maybank Bhd	Equity Trust	Chemical Company of Malaysia
UEM Group of Companies	Majlis Amanah Rakyat	Padini Holdings Bhd
Jabatan Statistik	Kementerian Kewangan (MOF)	Kementerian Kewangan (MOF)
Economic Planning Unit JPM	Kemuncak Group of Companies	Malaysian Directors Academy
UPM Innovations Sdn. Bhd.	Yayasan Sabah	Teras Dara Konsortium Sdn. Bhd.
Gamuda Berhad	Yayasan Guru (M) Berhad	Akademi JCorp Sdn. Bhd.
PETRONAS	Melaka State Government	Khazanah Nasional Berhad
Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)	IIUM Entrepreneurship and Consultancies Sdn. Bhd.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)	Maxis Mobile Sdn. Bhd.	KC Teh Management Services Sdn. Bhd.
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Jabatan Insolvensi Malaysia	Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.
IIUM Holding Sdn. Bhd.		

Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.



Program 1 setengah hari “Corporate Directors Training Programme Fundamental” untuk Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. telah diadakan pada 8 dan 9 Januari 2014 di Hotel Permai, Kuala Terengganu.

Seramai 101 peserta yang terdiri daripada pengarah Terengganu Inc dan anak-anak syarikatnya menghadiri program tersebut. Ucapan pembukaan telah disampaikan oleh YBhg. Dato’ Haji Wan Ahamad Bin Wan Muda, Ketua Pegawai Eksekutif, Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. Ucapan penutup dan penyampaian sijil disempurnakan oleh YAB Dato’ Seri Haji Ahmad Bin Said, Menteri Besar Terengganu. YBhg Dato’ Mohd Naim Daruwish, Ketua Pegawai Eksekutif SSM turut hadir pada majlis itu.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor



Program 2 hari “Corporate Directors Training Programme Advanced” untuk Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor telah diadakan pada 12 & 13 Mac 2014 di Pusat Konvensyen Shah Alam.

IIUM Holdings Sdn Bhd



Program 2 hari “Corporate Directors Training Programme Intermediate” untuk IIUM Holdings Sdn Bhd telah diadakan pada 20, 21 & 22 Januari 2014 di Menara SSM @ Sentral. Program ini telah dihadiri oleh 41 peserta. Ucapan pembukaan program telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim, Pengerusi IIUM Holdings

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Latihan COMTRAC, sila hubungi kami di 03-22994448 (Noor) / 4440 (Farah) / 4421 (Lekshmi) / 4441 (Priya) / 5343 (Radhakrishnan) / 5358 (Ravin) / 4434 (Zira) atau email kami di comtrac@ssm.com.my.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG SSM 2013

Seramai 60 dari 1,247 warga kerja SSM telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang SSM bagi tempoh perkhidmatan tahun 2013. Majlis penyampaian anugerah telah diadakan pada 10 Jun 2014 di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral. Selain mengiktiraf penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang SSM, majlis yang telah disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah; Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ini, turut meraikan 14 pesara

SSM yang telah tamat tempoh perkhidmatan masing-masing dari bulan Januari 2014 hingga bulan Jun 2014. Selain itu, di dalam majlis ini juga SSM telah mengiktiraf 4 warga kerja SSM yang terpilih menerima Anugerah Bakat SSM. Anugerah yang julung-julung kali diperkenalkan ini bertujuan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada bakat-bakat teristimewa dalam pelbagai bidang luar tugas rasmi serta kerja-kerja kemasyarakatan, persatuan, NGO, kesenian, inovasi, sukan dan lain-lain bakat istimewa.



PENERIMA ANUGERAH BAKAT ISTIMEWA

SUKAN



ALINA AZLAN
BAHAGIAN SIASATAN

KEBUDAYAAN & KESENIAN



ANUAR ABDULLAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN & PEMASARAN

NGO & KEMASYARAKATAN



JEFRI BIN MOHAMED YACOB
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
PENDAFTARAN

KEBUDAYAAN & KESENIAN



SHAHADAN MOHD NOR
BAHAGIAN SUMBER KORPORAT

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG SSM 2013



AB RAZAK ISA
PEJABAT NEGERI SARAWAK



ADAM MAMAT
PEJABAT NEGERI
NEGERI SEMBILAN



ADNAN OMAR
PEJABAT NEGERI TERENGGANU



AHMAD FAHMI RAWEE
BAHAGIAN SIASATAN



AHMAD HAFIZ MD SAPIAN
SEKSYEN AUDIT DALAM



AZIRA OMAR
PEJABAT NEGERI KEDAH



**AZREEN MOHAMAD
GHAZALI**
PEJABAT NEGERI SARAWAK



BASSERI MANTAMIN
PEJABAT NEGERI SABAH



CHIN YUN CHEONG
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
PERUNDANGAN



**EMILDA AZMA MOHD
AZNAN**
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN & PEMASARAN



**FADHLULLAH SYOUQIE
JAMANI**
BAHAGIAN SIASATAN



**GEORGIANA JOHNSON
KAYU**
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
PENDAFTARAN



HAMZAH HASAN
BAHAGIAN PEMATUHAN



HASIDAN ABDUL RAHIM
PEJABAT NEGERI PERLIS



HASYIMAH ABDUL HALIM
PEJABAT NEGERI PULAU
PINANG



**IRWAN NOR ISHAR
HUSEN**
BAHAGIAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT & KOMUNIKASI



**JEGATHEESAN AL
GOVINTHARAJ**
BAHAGIAN POLISI &
PEMBANGUNAN KORPORAT



KALTHOM A. BAKAR
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN & PEMASARAN



**KAMAL AFFANDI
JAMALUDIN**
PEJABAT NEGERI MELAKA



KAMARUL ARIFFIN ALWEE
PEJABAT NEGERI TERENGGANU



KHADIJAH ISMAIL
PEJABAT NEGERI SELANGOR



KHAIRANI M. YUSOF
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
PERUNDANGAN



**KHAIRUL AZFAR ABDUL
RAHMAN**
BAHAGIAN PEMATUHAN



**MAI ZULAIHA
BAHARUDDIN**
SEKSYEN PENGURUSAN
TRANSFORMASI



MARDIYANA IBRAHIM
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
PENDAFTARAN



MD NOR MUHAMAD
PEJABAT NEGERI KELANTAN



MOHAMAD AZLY ZAINUDI
PEJABAT NEGERI PAHANG



**MOHD AZALI MOHD
TAJUDDIN**
PEJABAT NEGERI PULAU
PINANG



**MOHD AZHAN MOHD
ZAIN**
PEJABAT NEGERI PERAK



MOHD FAIZAL ASMUJE
BAHAGIAN SUMBER KORPORAT

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG SSM 2013



MOHD HILMI IBRAHIM
PEJABAT NEGERI JOHOR



MOHD NAZIR MOHD ZAIN
PEJABAT NEGERI KELANTAN



MOHD RIDHAN KOSNIN
BAHAGIAN POLISI &
PEMBANGUNAN KORPORAT



**MOHD RIZAL ABDUL
JAMIL**
BAHAGIAN SUMBER KORPORAT



**MOHD SHARIFF MOHD
SALLEH**
PEJABAT NEGERI JOHOR



MOHD SUHAIMI ZAINOL
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
PENDAFTARAN



**MOHD YASIN @ JAFRI ABD
MALIK**
PEJABAT CAWANGAN TAWAU,
SABAH



**MOHD ZAM ZAM
ZAINUDIN**
BAHAGIAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT & KOMUNIKASI



MOKHTAR ANUAR
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN & PEMASARAN



**NOORLIDA HANIM
AHMAD**
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
PENDAFTARAN



NOR FADZILAH NAWAYII
PEJABAT NEGERI SELANGOR



NORAINI AHMAD
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN & PEMASARAN



NORAINI SHUIB
PEJABAT NEGERI KEDAH



**NORHAYATI MOHD
SALLEH**
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
PENDAFTARAN



NORIHAN ELIAS
PEJABAT NEGERI PERAK



NORINA SAAD
PEJABAT NEGERI PERAK



NORSILAWATI BACHEK
PEJABAT CAWANGAN MUAR,
JOHOR



**OSMALI SUNOTO @
FAISAL**
PEJABAT NEGERI SELANGOR



**RAFIDAH MOHAMED @
ABD GHANI**
SEKSYEN AUDIT DALAM



ROKIAH ABD MANAF
PEJABAT NEGERI MELAKA



SAIFUL BAHARI AHMAD
BAHAGIAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT & KOMUNIKASI



SAMSIAH BINTI IBRAHIM
BAHAGIAN SUMBER
KORPORAT



**SHAHROL HAMIZ MOHD
JOHAN**
PEJABAT KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF



SITI NAZIRAH SAABAN
BAHAGIAN AKADEMI LATIHAN



TAMAH HASHIM
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
PENDAFTARAN



TEE KIAN YIH
PEJABAT NEGERI
NEGERI SEMBILAN



YUSMADI YUSUP
BAHAGIAN SUMBER
KORPORAT



**ZAIDAH MOHAMED
ZAINUN**
PEJABAT NEGERI PAHANG



ZARINAH OTHMAN
BAHAGIAN PEMATUHAN



ZUBAIDAH YUSOFF
SEKSYEN PERHUBUNGAN
AWAM

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG SSM 2013 & ANUGERAH BAKAT SSM



PENGENALAN PEKERJA BAHARU



AHMAD TAQUIUDIN MD YAACOB
Pembantu Tadbir (Gred 47)
Pejabat Negeri Pahang



AIMAN SALIHUDIN
Eksekutif (Gred 50)
Pejabat Cawangan Temerloh



AYANG NORSOLEHA ROSLI
Pembantu Tadbir (Gred 47)
Pejabat Negeri Negeri Sembilan



DESMOND DAVIS JOSHUA
Pembantu Tadbir (Gred 47)
Pejabat Negeri Selangor



INTAN NORLEYANA RAMLI
Pembantu Tadbir (Gred 47)
Bahagian Sumber Koporat



MOHD NOORHISHAM ROSLI
Eksekutif (Gred 50)
Seksyen Audit Dalam



MAHFUZAH AHMAD MAHIR BASHA
Pembantu Tadbir (Gred 47)
Pejabat Negeri Perak



MOHD NORAZMI DAUD
Pembantu Tadbir (Gred 47)
Pejabat Negeri Johor



MOHD SHAMSUL SANUSI
Eksekutif (Gred 50)
Pejabat Negeri Sarawak



MOHD IQBAL MOHD YUSOFF
Eksekutif (Gred 50)
Bahagian Perkhidmatan Perundangan



MUHAMMAD ZARIF AZHARI
Pembantu Tadbir (Gred 47)
Pejabat Negeri Perlis



MUHAMMAD FARID SAKRI
Eksekutif (Gred 50)
Bahagian Siasatan



MURNI NURLIYANA BINTI MOHD MOKHTAR
Eksekutif (Gred 50)
Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran



NORAMYLIA ADENA BAHARUDDIN
Pembantu Tadbir (Gred 47)
Bahagian Pembangunan Perniagaan & Pemasaran



NUDRA SYAFIQAH NORDIN
Eksekutif (Gred 50)
Bahagian Sumber Koporat



NURUL HUSNA MOHD YUSOF
Eksekutif (Gred 50)
Bahagian Perkhidmatan Perundangan



NURUL HIDAYAH SUHAIMI
Eksekutif (Gred 50)
Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran



NURUL NADWA ISMAIL
Eksekutif (Gred 50)
Bahagian Pembangunan Perniagaan & Pemasaran



SATHYA SEELAN SUPRAMANIYAM
Eksekutif (Gred 50)
Bahagian Pematuhan



SHARMILA AVANIAPPAN
Eksekutif (Gred 50)
Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran



YUVARAJOO A/L SAHADEVAN
Pembantu Tadbir (Gred 47)
Pejabat Negeri Kedah



ZARITH AIN A ZAINUDIN
Eksekutif (Gred 50)
Bahagian Pembangunan Perniagaan & Pemasaran



ZULFADHLI ROSLEE
Pembantu Tadbir (Gred 47)
Bahagian Sumber Koporat

PERSARAAN



ABU HASSAN HARUN
Pembantu Tadbir (Gred 48)
Pejabat Negeri Kedah
04/07/1977 - 24/05/2014



AHMAD ZAKI ABD MAJID
Pembantu Am (Gred 46)
Bahagian Pembangunan Perniagaan & Pemasaran
13/06/1974 - 25/02/2014



AZIZAN MOHAMAD
Pembantu Tadbir (Gred 48)
Bahagian Sumber Koporat
06/05/1977 - 03/05/2014



CHE HUSSIN KADIR
Pembantu Tadbir (Gred 48)
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi
12/12/1972 - 30/03/2014



HABSAH SA AD
Pembantu Tadbir (Gred 48)
Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran
15/08/1977 - 09/04/2014



HALIJAH SARMAN
Pembantu Tadbir (Gred 48)
Bahagian Pembangunan
Perniagaan & Pemasaran
22/11/1979 - 01/04/2014



ISMAIL ABU BAKAR
Pembantu Tadbir (Gred 48)
Pejabat Negeri Perak
20/10/1975 - 07/05/2014



**KALAVATHY A/P
THARUMALINGAM**
Pembantu Tadbir (Gred 48)
Pejabat Negeri Johor
01/06/1979 - 15/06/2014



MAHIZAN @ MAHIZAM SUDIN
Eksekutif (Gred 51)
Pejabat Negeri Pulau Pinang
01/08/1980 - 06/04/2014



**MOHAMAD SAPUAN
HJ MD IBRAHIM**
Pembantu Tadbir (Gred 48)
Pejabat Negeri Perak
23/03/1976 - 10/04/2014



NOR ISAHAK NASIRUDDIN
Eksekutif (Gred 51)
Pejabat Negeri Perak
15/03/1974 - 25/06/2014



NOOR HAINI SAMSDUDIN
Pembantu Tadbir (Gred 48)
Bahagian Perkhidmatan
Pendaftaran
20/03/1978 - 06/01/2014



RAJIFAH ZAINAL ABIDIN
Pembantu Tadbir (Gred 48)
Bahagian Pembangunan
Perniagaan & Pemasaran
15/09/1979 - 24/04/2014



SAINI IDRIS
Pembantu Tadbir (Gred 47)
Pejabat Negeri Sabah
08/08/1979 - 10/01/2014



WAN CHIK WAN DIN
Pembantu Tadbir (Gred 48)
Pejabat Negeri Pulau Pinang
01/07/1977 - 24/06/2014

CORPORATE TEA TALK SSM PERAK

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Negeri Perak telah menganjurkan 2 sesi "Corporate Tea Talk" dalam tahun 2014. Sesi pertama yang diadakan pada 10 April 2014 yang telah dihadiri oleh seramai 23 orang setiausaha syarikat manakala sesi kedua yang diadakan pada 8 Mei 2014 telah dihadiri oleh seramai 23 orang setiausaha syarikat. Kedua-dua program ini telah dirasmikan oleh Puan Norihan Binti Elias, Pengarah Negeri SSM Perak. Corporate Tea Talk adalah salah satu program bertujuan memberikan pendedahan kepada setiausaha syarikat / pengarah tentang isu-isu semasa bagi meningkatkan tahap pematuhan kepada Akta Syarikat 1965. Objektif pengajuran program adalah seperti berikut:

1. Untuk menjalinkan hubungan kerjasama strategik di antara SSM dan setiausaha syarikat.
2. Meningkatkan kadar pematuhan serah simpan penyata tahunan dan penyata kewangan bagi mencapai sasaran kadar pematuhan 2014 sebanyak 93%.

3. Memberi penerangan berhubung aktiviti - aktiviti pematuhan / penguatkuasaan yang dijalankan oleh SSM dan penerangan berhubung isu-isu operasi.

Taklimat disampaikan oleh Encik Zulkapli Bin Salim, Ketua Seksyen Penguatkuasaan SSM Perak. Selain itu, satu sesi soal jawab telah diadakan bersama pegawai-pegawai Seksyen Operasi SSM Negeri Perak. Antara isu yang dibangkitkan adalah berhubung kueri terhadap dokumen yang diserahkan dan lain-lain isu berkaitan pematuhan.

Program ini telah mendapat sambutan yang baik dari peserta kerana ianya dapat meningkatkan kefahaman mengenai aktiviti-aktiviti pematuhan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh SSM termasuk isu-isu operasi. Selain itu juga program ini dapat mewujudkan suasana hubungan kerjasama yang lebih baik antara SSM dengan setiausaha syarikat.

Antara sesi taklimat yang dijalankan semasa program berlangsung



Pengarah SSM Negeri Perak, Pn Norihan Elias (lima dari kiri) bersama peserta "Corporate Tea Talk"



PERISTIWA BERGAMBAR

Perhimpunan Bulanan dan Pelancaran Buku Panduan Perkhidmatan Pelanggan “SSM Di Hati” - 7 Januari 2014



Program Latihan Pengarah Korporat dengan kerjasama Terengganu Incorporated Sdn. Bhd - 9 Januari 2014



Lawatan Menteri PDNKK ke cawangan SSM Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pudu Sentral - 13 Januari 2014



Penyertaan kontijen SSM di perarakan sempena majlis sambutan Maulidur Rasul - 14 Januari 2014



PERISTIWA BERGAMBAR

Program Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan - 17 Januari 2014



Kunjungan Kerja Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja - 22 Januari 2014



Program bersama Perdasama - 16 Februari 2014



Kunjungan Hormat Delegasi UAE ke SSM - 17 Februari 2014



PERISTIWA BERGAMBAR

Lawatan Bank Dunia ke Cawangan SSM di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pudu Sentral - 3 Mac 2014



Lawatan Maktab PDRM ke SSM - 7 Mac 2014



Lawatan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Perakayuan Sarawak ke SSM - 7 Mac 2014



Lawatan Accounting Corporate Regulatory Authority (ACRA) Singapura ke SSM - 11 Mac 2014



Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Menangani Jenayah Kolar Putih - 13 Mac 2014



PERISTIWA BERGAMBAR

Lawatan delegasi Bank Dunia ke SSM - 17 Mac 2014



Lawatan Kerja YB Dato' Seri Haji Mohd Shafie Bin Haji Apdal ke Kaunter SSM di RTC Napoh- 17 Mac 2014



Corporate Registers Forum 2014, Rio de Janeiro, Brazil - 17 Mac 2014



Lawatan pelajar SRI College College & SAITO College ke SSM - 18 Mac 2014



Kunjungan hormat Ketua Setiausaha KPDNKK merangkap Pengerusi SSM - 19 Mac 2014



PERISTIWA BERGAMBAR

Program Jalinan Strategik SSM bersama Setiausaha-Setiausaha Syarikat - 23 Mac 2014



Penyertaan SSM di Sydney Business Opportunity - 27 Mac 2014



Lawatan Kerja Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM ke SSM - 1 April 2014



Program Hari Francais Negara - 3 April 2014



Program Semarakkan Transformasi Perkhidmatan Awam - 4 April 2014



PERISTIWA BERGAMBAR



Lawatan Delegasi Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke SSM - 15 April 2014



Majlis Bacaan Yasin dan Tahliil sempena hari ulangtahun SSM ke 12 - 16 April 2014



Majlis Pelancaran Buku Panduan Pelaksanaan Sistem Integriti Korporat Malaysia - 22 April 2014



PERISTIWA BERGAMBAR

Lawatan pelajar UiTM Puncak Perdana ke SSM - 8 Mei 2014



Kunjungan Rasmi Ketua Pengarah Kastam ke SSM - 16 Mei 2014



Lawatan pelajar Sunway University ke SSM - 29 Mei 2014



Perasmian Kaunter Perkhidmatan Pendaftaran Syarikat tingkat 20, Menara SSM@Sentral - 2 Jun 2014



Kunjungan Hormat delegasi Kuwait National Fund for SME Development ke SSM - 3 Jun 2014



PERISTIWA BERGAMBAR

Program gotong-royong Bersama Penjaja Masjid India - 10 Jun 2014



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang SSM 2013 - 10 Jun 2014



Program 'Corporate Tea Talk' kepada Pengarah Wanita Negeri Kedah- 16 Jun 2014



PERISTIWA BERGAMBAR

MOU di antara SSM dengan Jabatan Imigresen Malaysia - 19 Jun 2014



Majlis Dialog Tahunan SSM 2014 - 19 Jun 2014



Seminar Pembangunan Modal Insan Peniaga - 23 Jun 2014




Jalinan Kerjasama Dan Taklimat Bersama Agensi-Agensi Yang Mengeluarkan Lesen Ke Arah Pematuhan Di Bawah Akta Syarikat 1965 Dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 - 27 Jun 2014



Kunjungan pasukan World Bank (Data Collection Mission)- 27Jun 2014



FROM PLEDGE TO PRACTICE



A GUIDE TO IMPLEMENT THE
CORPORATE INTEGRITY SYSTEM™ MALAYSIA